

PENUAAN DARI PERSPEKTIF BADIUZZAMAN SAID NURSI: SOLUSI ROHANI DALAM MENGHADAPI KETAKUTAN PENUAAN DAN KEMATIAN

Shah Rizul Izyan ⁱ & Norullisza Khosim ⁱⁱ

ⁱ(Corresponding author). Pensyarah Universiti. Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Emel: izyanzulkipli@usim.edu.my

ⁱⁱPensyarah Universiti. Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Emel: norulliszakhosim@usim.edu.my

ABSTRAK

Penuaan merupakan proses semula jadi yang bakal dilalui oleh setiap manusia. Proses ini sering dikaitkan dengan kemerosotan fungsi fizikal, kognitif, serta perubahan psikologi. Kajian ini bertujuan meneliti penuaan menurut perspektif Said Nursi serta pendekatan rohani dalam menghadapi ketakutan kepada penuaan dan kematian. Kajian ini menggunakan metodologi kepustakaan dengan memberi fokus kitab Risalah al-Nur serta bahan bacaan berkaitan gerontologi. Hasil kajian menunjukkan bahawa Said Nursi memandang penuaan sebagai suatu bentuk kerehatan dan rahmat yang mengundang kasih sayang Allah SWT, manakala kematian sebagai permulaan kehidupan baru menuju negeri abadi. Solusi pendekatan yang diberikan oleh Said Nursi adalah dengan (i) kebergantungan kepada Allah SWT; dan (ii) pengukuhan keimanan melalui intipati al-Quran. Perspektif yang berbeza ini membawa implikasi terhadap pendekatan kerohanian yang lebih positif dan dapat membantu warga emas khususnya dalam pengurusan emosi dan membuat persediaan bagi menjalani fasa penuaan yang lebih bermakna dan berkualiti.

Kata-kata kunci: Badiuzzaman Said Nursi, Gerontologi, Penuaan, Risalah al-Nur, Warga Emas

PENGENALAN

Proses penuaan dan kematian merupakan fitrah kehidupan yang pasti dilalui oleh setiap manusia. Penuaan lazimnya bermula sekitar usia 30 tahun, iaitu ketika pelbagai perubahan dan kemerosotan mula berlaku dari aspek fizikal, kognitif, dan psikologi (Chalise, 2019). Walau bagaimanapun, takrifan usia warga tua berbeza mengikut konteks negara; negara maju umumnya menetapkan permulaan usia penuaan pada 60 tahun, manakala negara membangun menetapkannya pada usia 65 tahun.

Perbezaan ini juga tidak terhenti kepada klasifikasi usia sahaja, bahkan turut melibatkan cara pandang sesebuah masyarakat terhadap penuaan itu sendiri. Secara umumnya, proses penuaan sering kali disertai dengan cabaran kemerosotan dari sudut fizikal, cabaran psikologi seperti kesepian, kemurungan, dan penurunan kadar kognitif. Fitrah kejadian manusia dari rahim ibu, lahir menjadi bayi yang lemah, kemudiannya menjadi bertenaga dan gagah. Namun akhirnya menjadi tua dan lemah seperti bayi sebagaimana yang telah dinukilkan dalam al-Quran menerusi Surah al-Nahl ayat 70;

وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ ثُمَّ يَتَوَفَّاكُمْ وَمِنكُمْ مَنْ يُرَدُّ إِلَى أَرْذَلِ الْعُمُرِ لِكَيْ لَا يَعْلَمَ بَعْدَ عِلْمٍ شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ قَدِيرٌ.

Maksudnya: ((Dan Allah SWT yang menciptakan kamu (dari tiada kepada ada); kemudian Ia menyempurnakan tempoh umur kamu; (maka ada di antara kamu yang disegerakan matinya), dan ada pula di antara kamu yang dikembalikannya kepada peringkat umur yang lemah (peringkat tua kebudak-budakan), sehingga menjadilah ia tidak ingat akan sesuatu yang telah diketahuinya; sesungguhnya Allah SWT Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa)). (al-Quran. al-Nahl, 16:70)

Dalam ayat al-Quran ini, Allah SWT menegaskan bahawa penuaan itu merupakan sebahagian daripada ketetapan-Nya yang menunjukkan kelemahan dan keterbatasan manusia. Saat itu, manusia akan berhadapan dengan kemerosotan daya ingatan dan kemampuan kognitif, serta kelemahan dari sudut fizikal. Oleh sebab itu, manusia perlu sentiasa bersiap sedia menghadapi proses penuaan dan kematian.

PERMASALAH KAJIAN

Ketakutan terhadap usia tua dikenali sebagai “kebimbangan penuaan” (aging anxiety) iaitu kebimbangan terhadap kemerosotan fizikal, mental, ageisme dan peribadi yang mungkin berlaku sepanjang proses penuaan (Lasher & Faulkender, 1993). Tanda-tanda penuaan ini akhirnya membawa diri berasa bimbang terhadap kematian (Salter & Salter, 1976; Vickio & Cavanaugh, 1985). Secara umumnya, perasaan bimbang ini membawa kesan yang baik dan buruk kepada manusia. Sekiranya manusia tersebut sedar akan penuaan dan menerima penuaan itu, maka mereka akan lebih bersedia untuk menghadapi kematian dengan memperbanyakkan amal kebajikan. Manakala kesan buruknya pula, menurut Borhaninejad (2024) manusia akan menafikan fitrah penuaan dengan membuat pelbagai rawatan anti aging. Sebagai contoh, pembedahan kosmetik dan sebagainya untuk terlihat sentiasa muda.

Teori “penuaan sedar” atau dalam istilah Barat dikenali sebagai conscious aging yang diperkenalkan oleh Schachter-Shalomi and Miller (1997) menekankan pendekatan positif yang mengajak warga emas menghadapi proses penuaan secara sedar, positif, dan berasaskan nilai spiritual. Teori ini juga melihat usia tua sebagai peluang untuk pembangunan diri dengan berkongsi ilmu dan pengalaman, dan bukan hanya fokus kepada kemerosotan. Conscious aging ini dilihat selari dengan ajaran Islam yang melihat penuaan sebagai fasa kesempurnaan usia dan mengajak setiap manusia menerima dan mengakui perubahan usia yang berlaku, selain dapat bersedia dan menggunakan baki usia emas sebaiknya dengan perkara yang bermanfaat.

Takut kepada kematian pula lebih cenderung terjadi kepada warga emas yang mengalami masalah penyakit kronik atau yang mempunyai masalah kesihatan mental seperti sindrom empty nest (Rabbani et al., 2025). Sindrom ini terjadi apabila kesunyian berlaku akibat anak-anak berhijrah keluar, kehilangan pasangan atau ahli keluarga terdekat (Duvall, 1988; Hidayati & Suparno, 2024; Khatir et al., 2025). Implikasi sindrom ini sekiranya tidak dibantu boleh membawa kepada kemurungan sehingga akhirnya warga emas boleh bertindak membunuh diri sepertimana trend yang terjadi di Negara China (Xia et al, 2009). Bahkan ketakutan kepada kematian ini juga berkait rapat dengan stigma masyarakat Melayu tentang ngerinya kehidupan selepas mati seperti keseorangan di alam kubur, azab kubur dan sebagainya.

Kepercayaan ini lebih dekat dengan masyarakat Melayu yang membesar dengan cerita-cerita mistik dan kisah-kisah di meja penceramah yang lebih banyak membawa unsur azab kubur dan hari akhirat berbanding rahmat dan nikmat alam kubur yang dijanjikan Allah SWT SWT. Secara umumnya, dalam perspektif Islam, penuaan bukanlah tanda kelemahan semata-mata tetapi merupakan peluang untuk memperkukuh iman dan amal. Terdapat pelbagai kajian terdahulu (Hall, 1985; Ewen, 2020; MacKinlay & Burns, 2017) menunjukkan bahawa kekuatan kerohanian memainkan peranan penting dalam menyokong penuaan yang berkualiti serta meningkatkan kesejahteraan mental warga emas.

Hal ini turut membantu membentuk pandangan yang lebih positif dan tenang terhadap kematian. Oleh itu, kajian ini bertujuan meneliti perspektif dan solusi berkaitan penuaan dan kematian berdasarkan pandangan Badiuzzaman Said Nursi melalui karya beliau, Risalah al-Nur. Kajian ini menggunakan metodologi kepustakaan dengan memberi fokus kepada Risalah Orang Tua, Kalimah-Kalimah Kecil, Risalah Pesakit, serta rujukan berkaitan gerontologi.

Biodata Ringkas Badiuzzaman Said Nursi

Said Nursi digelar Badiuzzaman yang membawa maksud keajaiban zaman atas dasar keluasan ilmu, kecerdasan dan kepintaran yang dimilikinya sejak usia muda (Vahide, 2005; Khosim, Ibrahim & Hanapi, 2021). Gelaran ini diberikan oleh ulama besar Turki ketika berumur 16 tahun (Sulaiman, 1983; Khosim, 2023). Nama sebenar beliau ialah Said bin Mirza, dan Nursi merupakan gelaran yang disandarkan kepadanya bersempena tempat kelahiran di perkampungan yang bernama Nurs (Nursi, 2013). Said Nursi dikenali sebagai seorang tokoh pembaharu Islam di Turki pada abad ke-20, bahkan masyhur sebagai penulis kitab Risalah al-Nur (Vahide, 2005). Selain itu, beliau juga turut dikenali sebagai pengasas bagi salah satu gerakan agama dan membawa pengaruh besar di Turki yang dikenali sebagai Gerakan Nur (Horkuc, 2004; Vahide, 2005; Zahir, 2022). Dilahirkan pada tahun 1877M, berbangsa Kurdi dan beragama Islam (Sulaiman, 1983; Nursi, 2013; Khosim, 2023).

Ibunya bernama Nurriyah, dan ayahnya Mirza (Nursi, 2013). Kedua ibu bapa Said Nursi merupakan seorang sufi yang soleh, sentiasa menjaga solat dan mendirikan tahajud, selain berhati-hati dalam tindak-tanduk terutama dalam menjaga diri daripada perkara yang haram (Sulaiman, 1983). Merupakan anak keempat daripada tujuh orang adik-beradik iaitu Durriyyah, Khanim, Abdullah, Muhammad, Abdul Majid, dan Marjan (Nursi, 2013). Menerusi sejarah, kedua-dua ibu bapa beliau memainkan peranan penting dalam membentuk asas kerohanian dan keteguhan akhlakunya sejak kecil kerana kehidupan berkeluarga dibina atas disiplin agama yang kuat serta contoh teladan yang baik. Beliau turut mendapat didikan daripada abangnya, Abdullah, selain pendidikan formal di beberapa madrasah di pelbagai tempat seperti di Tag, Birmis, Nursyin, Arwas dan Wastan (Sulaiman, 1983; Said Nursi, 2013; Khosim, 2023).

Bukan sahaja kehidupannya dipenuhi dengan menuntut ilmu dari satu tempat ke tempat yang lain, bahkan beliau turut sama berkongsi ilmunya kepada orang lain dengan penekanan kepada pengintegrasian antara ilmu naqli dan sains moden (Vahide, 2005; Zahir, 2022). Dari segi fizikal dan kemahiran, Said Nursi memiliki tubuh badan yang sihat dan tegap, serta merupakan seorang penembak dan penunggang kuda yang cepak (Sulaiman, 1983; Khosim, 2023). Seorang yang bersemangat tinggi dan berani, selain sentiasa sabar dalam menghadapi pelbagai onak dan cabaran kehidupan.

Beliau meninggal dunia ketika umurnya mencecah 83 tahun, selepas jatuh sakit dan mengalami demam sejuk (Sulaiman, 1983). Sepanjang kehidupannya, Said Nursi telah menyertai beberapa siri perjuangan dan penentangan terhadap peperangan dan kebatilan yang berlaku di zamannya (Khosim, Ibrahim & Hanapi, 2021; Zahir, 2022).

Kitab Risalah Al-Nur dan Metodologi Penulisan Kitab

Risalah al-Nur merupakan karya agung yang ditulis oleh Said Nursi antara tahun 1910M hingga 1950M (Noor & Latiff, 2012). Kitab ini merupakan hasil penulisan dan pentafsiran Said Nursi terhadap kitab suci al-Quran dengan tujuan memberikan kefahaman yang sebenar mengenai agama Islam kepada masyarakat (Zahir, Sharif & Mat, 2024). Di samping itu, karya ini juga bertujuan membuktikan kemukjizatan al-Quran dan dijadikan panduan dalam menghadapi kehidupan yang sarat dengan cabaran sekularisme, materialisme, dan fahaman Barat yang merendahkan nilai agama pada ketika itu (Zahir, 2022).

Kitab Risalah al-Nur terdiri daripada sembilan jilid yang setiap satunya memiliki nama khas iaitu; al-Kalimat, al-Maktubat, al-Lama'at, al-Syu'a'at, Isyarat al-I'jaz, al-Mathnawiy al-'Arabiy al-Nuriy, al-Malahiq, Sayqal al-Islam, dan Sirat al-Dhatiyat. Kitab ini bukanlah sebuah kitab yang mentafsir keseluruhan al-Quran sebagaimana kitab tafsir yang lain, namun membahas ayat-ayat tertentu dengan penekanan terhadap hakikat iman dan tauhid (Zahir, Sharif & Mat, 2024). Pada peringkat awal, penghasilan kitab ini dilakukan secara tulisan tangan disebabkan keterbatasan mendapatkan kemudahan percetakan, di samping tekanan serta sekatan daripada pihak berkuasa (Sulaiman, 1987). Proses penulisannya pula berlaku di lokasi-lokasi yang berbeza dalam tempoh 23 tahun dan menerusi tiga fasa iaitu; (

- i) ketika dalam fasa pengasingan di Barla pada tahun 1926M;
- (ii) ketika dalam fasa pengasingan dan penjara di Kastamonu pada tahun 1936M; dan
- (iii) ketika fasa dipenjara di Denizli pada tahun 1943M dan di Amirdagh, Afyon pada tahun 1944M (Noor & Latiff, 2012; Khosim, 2023).

Walaupun berhadapan dengan keterbatasan dan getir kepayahan, Said Nursi masih berterusan menulis dan disebarkan ke seluruh Turki dengan bantuan Nurju, iaitu penubuhan satu rangkaian pengirim (Sulaiman, 1987). Seinggalah penulisan beliau dapat dicetak dan diterbitkan dengan bantuan Ahli Parlimen Turki di Isparta, iaitu Dr Tahsin Tola, Adnan Mederes dengan kerjasama daripada Menteri Hal Ehwal Agama, serta dua anggota Talabah al-Nur iaitu 'Atif Ural dan Sa'id Ozdemir (Sulaiman, 1987; Khosim, 2023). Meneliti metodologi penulisan Risalah al-Nur, menurut Sempo (2020) gaya pentafsiran kitab ini mempunyai pertalian rapat dengan pendekatan tafsir tematik, namun tidak dikategorikan sepenuhnya sebagai tafsir tematik. Sebuah kitab tafsir maknawi dan menggunakan pendekatan hujah rasional dengan menekankan sinergi antara akal, wahyu, dan pengalaman rohani (Amir & Rahman, 2023). Gaya bahasa yang digunakan pula puitis dan mendalam, selain mengintegrasikan perbincangan dengan gabungan ilmu naqli dan aqli (Khosim, 2023).

HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini menyetengahkan hasil dapatan daripada tajuk kajian dengan membahagikan kepada dua sub topik utama.

Pertama, pandangan penuaan dan kematian dari perspektif Barat; dan kedua, pandangan dan solusi tentang penuaan dan kematian dari perspektif Risalah al-Nur. Huraian lanjut adalah seperti berikut:

PANDANGAN PENUAAN DAN KEMATIAN DARI PERSPEKTIF BARAT

1) Kebimbangan Terhadap Penuaan

Warga emas sering dirujuk dengan pelbagai istilah seperti “elderly, old adult, dan senior citizen”. Kerajaan dan ahli gerontologi terkemuka mengikuti perwakilan lazim warga tua dan menggambarkan menjadi tua sebagai proses menjadi lemah dan rapuh (Fealy et al., 2012). John Shaw (1974) menyifatkan bahawa peringkat umur warga tua adalah dalam lingkungan umur 66 tahun ke atas. Rogers (1979) dalam kajiannya bersetuju dengan pandangan Neugarten yang mentakrifkan usia tua kepada tiga pentakrifan iaitu awal tua (*young old*), pertengahan tua (*middle old*) dan terlalu tua (*old-old*).

Warga tua yang berada pada peringkat usia awal tua ialah mereka yang telah berusia 55 tahun hingga 65 tahun serta masih mampu melakukan kerja dan masih boleh menyumbang sesuatu kepada masyarakat. Warga tua yang berada pada peringkat pertengahan usia tua pula ialah mereka yang berusia 65 tahun hingga 75 tahun. Kebiasaannya, mereka ini telah bersara dari sektor pekerjaan dan mempunyai taraf kesihatan yang agak baik serta mampu untuk memperbaiki nasib diri. Manakala warga emas yang berada pada peringkat usia terlalu tua ialah mereka yang berumur melebihi 75 tahun ke atas.

Kebiasaannya, mereka pada usia ini telah nyanyuk, memiliki kesihatan yang kurang baik serta kurang memberi sumbangan kepada masyarakat. Kurt Wolff (1959) berpendapat, terdapat beberapa tanda yang menyebabkan seseorang itu dianggap tua antaranya terdapat peningkatan tisu penghubung dalam sesuatu organisma, terdapat pengurangan bahan ilestik pada tisu penghubung, kehilangan elemen-elemen sel dalam sistem saraf, berlaku pengurangan bilangan secara normal sel yang berfungsi atau normal, berlakunya peningkatan kadar lemak dalam badan, dan pengurangan dalam denyutan jantung di bawah keadaan rehat.

Berbeza dengan Aslan (1982) yang mendefinisikan usia tua adalah bermula pada masa yang sama dengan kehidupan, apabila berhenti pembesaran seseorang ketika dewasa, maka kemerosotan fungsional secara beransur-ansur akan berlaku disebabkan kehilangan sel aktif dalam diri seseorang. Beliau menyatakan adalah tidak wajar bahawa usia tua dikatakan bermula pada umur 60 tahun. Secara umumnya, klasifikasi umur tua adalah berbeza mengikut tempat, budaya, masa dan pandangan masyarakat. Terdapat juga masyarakat yang mengira usia berdasarkan kepada perkiraan umur yang relavan mengikut fungsinya dalam masyarakat setempat.

Maka, dalam konteks masyarakat Malaysia hari ini, pentakrifan usia tua dianggap telah tua sekiranya telah bersara dari bidang pekerjaan (Baharuddin, 2013). Bagi kakitangan kerajaan, umur persaraan mereka adalah 57 tahun ke atas dan kakitangan swasta persaraan mereka di usia 60 tahun ke atas. Justeru, warga emas di Malaysia dianggap tua sekiranya telah melepasi usia persaraan dan telah pencen. Bahkan Osman (1995) menyatakan perkiraan usia tua mengikut masyarakat Melayu lama tidak semestinya dikira mengikut kronologi umur biasa.

Warga emas sering di kaitkan dengan kelemahan dan kemerosotan. Pelbagai tanggapan atau dikenali sebagai ageism yang diberikan masyarakat kepada warga emas berdasarkan kajian oleh Saul (1983) antaranya adalah:

- i. Warga emas mengalami tekanan kuat terutamanya berhubung kait dengan kemiskinan, kesakitan dan pemencilan.
- ii. Warga emas telah dianggap stereotaip iaitu mempunyai sifat negatif seperti berfikir dan bergerak perlahan, menjadi beban kepada masyarakat, keluarga dan diri sendiri. Secara biologi, umur tua sentiasa disertai dengan kesakitan.
- iii. Secara psikologi, salah anggap termasuk hilang ingatan, tidak berupaya belajar dan membuat kerja baru, kurang keupayaan membuat keputusan atau menyelesaikan masalah.
- iv. Salah anggap masyarakat bahawa warga emas senang marah, tidak sabar dan selalu pelupa.
- v. Salah anggap terhadap warga emas yang mengalami alam keanak-anakan kali kedua.
- vi. Salah anggap masyarakat umum bahawa warga emas yang tidak produktif.

Dalam wacana Barat yang lebih awal, penuaan sering dibingkai melalui apa yang disebut sebagai “naratif lama” iaitu pandangan yang melihat warga emas terutamanya sebagai beban dan simbol kemerosotan biologi. Naratif ini menekankan aspek kelemahan fizikal, ketidakupayaan bekerja, pengasingan sosial dan pergantungan ekonomi sehingga melahirkan stereotaip negatif terhadap warga emas (Estes, 2001). Pendekatan ini lahir daripada paradigma bioperubatan abad ke-20 yang memberi tumpuan kepada penyakit dan defisit fungsi, serta dasar negara kebajikan yang menggambarkan orang tua sebagai penerima bantuan semata-mata (Calasanti & Slevin, 2006).

Sarjana Barat kontemporari mengkritik naratif ini kerana mengabaikan potensi, pengalaman dan agensi warga emas, lalu mencadangkan kerangka baharu seperti active ageing dan successful ageing yang menonjolkan keterlibatan sosial dan kesejahteraan psikologi (Rowe & Kahn, 1997). Dalam tradisi pemikiran Barat, kematian lazimnya dibincangkan daripada perspektif falsafah, psikologi, dan perubatan moden. Falsafah klasik seperti Plato dan Epicurus menganggap kematian sebagai peralihan semula jadi atau ketiadaan penderitaan, sementara tradisi Kristian melihat kematian sebagai permulaan kehidupan kekal (Becker, 1973).

Namun sejak abad ke-20, terutama dengan kemunculan sekularisme, banyak sarjana Barat menekankan kematian sebagai pengalaman eksistensial yang menimbulkan keresahan, seperti dihuraikan oleh Becker (1973) dalam *The Denial of Death* bahawa manusia membina budaya dan simbol untuk menafikan kematian. Psikologi Barat melalui Terror Management Theory pula berpendapat bahawa kesedaran tentang kematian mendorong manusia mencari makna, nilai dan identiti yang stabil untuk mengawal kebimbangan (Greenberg, Pyszczynski & Solomon, 1986). Dalam perubatan moden, fokus terhadap pemanjangan hayat, penjagaan paliatif dan “good death” (kematian yang bermaruah) mencerminkan usaha mengurus kematian secara rasional dan humanistik berbanding pendekatan takut atau sakral semata-mata (Kellehear, 2007).

Di samping itu, Tomer dan Eliason (2000) melaporkan bahawa warga emas di Barat lebih bimbang terhadap proses kematian dan kehilangan orang tersayang berbanding ketidakpastian selepas mati itu sendiri. Kajian rentas budaya oleh Abdel-Khalek dan Toms-Sbado (2005) mendapati warga emas di Sepanyol menunjukkan tahap kebimbangan kematian yang berbeza daripada warga emas di Mesir, menggambarkan pengaruh konteks budaya terhadap pengalaman ini. Secara keseluruhan, dapatan empirikal ini menunjukkan bahawa meskipun pengaruh sekularisme semakin meluas, warga emas di Barat masih berhadapan dengan kebimbangan yang ketara terhadap kematian. Faktor seperti agama, kesihatan, dan budaya didapati memainkan peranan penting dalam membentuk reaksi serta pandangan mereka terhadap isu tersebut.

PANDANGAN DAN SOLUSI TENTANG PENUAAN DAN KEMATIAN DARI PERSPEKTIF RISALAH AL-NUR

Pandangan dan Solusi Said Nursi tentang Penuaan berdasarkan Risalah al-Nur

1) Perumpamaan Fasa Penuaan Seperti Masa Luruh dan Waktu Asar

“Semasa aku memasuki usia tua, suatu hari pada musim luruh, pada waktu asar, aku telah memerhatikan dunia dari atas sebuah gunung yang tinggi. Tiba-tiba, suatu keadaan yang amat memilukan dan hiba serta gelap pada satu sudut telah datang kepadaku. Aku nampak bahawa diriku telah tua, siang hari juga telah tua dan tahun juga telah tua dan dunia juga sudah tua. Oleh sebab masa berpisah dari dunia dan mereka yang aku cintai dalam ketuaan-ketuaan (perkara-perkara yang tua) ini semakin mendekat, maka sesungguhnya usia tua amat memeranjatkan”. (Risalah Online, n.d)

Analisis: Said Nursi mengibaratkan waktu penuaan seperti musim luruh dan juga waktu Asar. Musim luruh secara visualnya terjadi selepas musim panas, daun-daun mulai luruh adalah sinonim dengan fasa penuaan yang mempunyai banyak bentuk kemerosotan dari sudut fizikal. Tulang dan gigi yang semakin rapuh dan luruh, kulit wajah yang mengendur, otot yang sudah semakin mengecut dan pelbagai lagi. Manakala penggunaan waktu asar pula merujuk kepada waktu akhir pada sesuatu hari yang merujuk kepada semakin tamatnya umur seseorang kerana perlu masuk ke waktu magrib yang sinonim dengan hari yang baharu dalam Islam. Meskipun begitu, Said Nursi mengakui penuaan yang dialami dan memproses perasaan sedih yang beliau akan meninggalkan dunia yang dicintai. Beliau tidak menafikan fitrah penuaan yang berlaku dan membuat analogi dengan alam supaya pembaca dapat kaitkan dengan kehidupan seharian.

Solusi Kepada Kesedihan Berlakunya Penuaan Melalui Persandaran Kepada Nama Allah SWT Al-Rahman Al-Rahim

“Tiba-tiba rahmat Ilahi telah tersingkap lalu telah mengubah kesedihan dan perpisahan yang memilukan itu kepada harapan yang kuat dan cahaya hiburan yang terang. Ya, wahai warga tua sepertiku! Rahmat al-Khaliq ar-Rahim kita yang memperkenalkan diri-Nya melalui sifat al-Rahman al-Rahim-Nya di 104 di dalam al-Quran al-Hakim; sentiasa menghantar rahmat-Nya untuk membantu makhluk-makhluk bernyawa yang meminta belas di atas muka bumi; memenuhi musim bunga dengan nikmat dan hadiah yang tidak terkira setiap tahun dari alam ghaib lalu memberikannya kepada kita semua yang berhajat kepada rezeki dan

yang memperlihatkan lebih banyak tajalli rahmat-Nya berdasarkan kepada tahap kedaifan dan kelemahan ialah harapan yang paling besar dan cahaya yang paling terang di dalam ketuaan kita □ Meraih rahmat ini adalah dengan cara mentaati-Nya menerusi persandaran kepada ar-Rahman itu dengan keimanan dan dengan melaksanakan kefarduan”. Ya, wahai warga tua lelaki dan perempuan! Memandangkan al-Khaliq kita yang al-Rahim ada, maka tidak akan ada keterasingan untuk kita. Memandangkan Dia ada maka semuanya ada untuk kita. Memandangkan Dia ada, maka para malaikat-Nya juga ada. Oleh itu, (maksudnya) dunia ini tidak kosong”. (Risalah Online, n.d)

Analisis : Said Nursi membawa warga emas untuk menghayati makna sifat Al-Rahman Allah SWT yang terdapat 104 pengulangan kalimah tersebut dalam al-Quran. Sifat Allah SWT ini yang sentiasa memberi hiburan berupa rezeki dan nikmat yang melimpah luah tidak mengira manusia samaada islam atau tidak, haiwan dan tumbuhan. Kasih sayang yang tidak pernah luak dan terus menerus tanpa syarat. Bahkan, Allah SWT lebih mengasihi dan mudah memberi rezeki Allah SWT tersebut kepada yang menagih dengan penuh rasa kelemahan dan kedaifan sebagaimana orang tua yang merasai kelemahan yang mereka lalui. Maka, Said Nursi menganjurkan warga eams untuk terus mentaati dengan penuh keimanan dengan sentiasa berusaha melaksanakan kewajipan kepada Allah SWT. Malah, Said Nursi mengingatkan warga tua perempuan dan lelaki bahawa jangan merasa sunyi kerana Allah SWT ada bersama kita, para Malaikat dan juga makhluk-makhluk seperti pokok, binatang yang sentiasa berzikir dengan lisan mereka juga ada menemani kita.

2) Perumpamaan Fasa Penuaan dengan Masa Subuh dan Juga Binaan yang Semakin Hari Semakin Roboh.

“Suatu masa, ketika aku tersedar pada subuh masa tua dari lena malam usia muda, aku telah memerhatikan diri sendiri. Tubuhku seolah-olah berlari turun dari suatu cerun ke arah kubur. Seperti yang dimadahkan oleh Niyazi al-Misri: “Satu demi satu batu binaan umurku jatuh ke tanah dari hari ke sehari... .Si lalai yang jiwanya tidur, runtuh binaannya tiada dia sedari...” Aku juga nampak bahawa tubuh yang merupakan rumah bagi rohku juga sedang runtuh dengan jatuhnya seketul batunya setiap hari. Maka cita-cita serta harapan yang mengikat kuat diriku dengan dunia mula terungkai. Aku telah merasai bahawa waktu untuk berpisah daripada sahabat dan mereka yang aku cintai yang terlalu ramai telah hampir”. (Risalah Online, n.d)

Analisis: Kenapa Said Nursi menggambarkan usia muda dengan lena waktu malam dan tersedar dari subuh dengan usia tua? Ini kerana, waktu muda yang berlalu pantas berlalu mencair seperti ais dengan sangat cepat. Manusia larut dengan mimpi lena seperti tidur di waktu malam, dan setelah sedar terbangun dan melihat waktu subuh kita baru tersedar dari lena yang kita sudah menginjak ke usia tua. Saat itu kita merasa cemas kerana kematian semakin hampir ibarat berlari laju menuju cerun ke alam kubur. Manusia baru tersedar yang masih banyak lagi amal yang belum di perbaiki. Said Nursi juga menggambarkan usia tua dengan binaan rumah yang jatuh ke tanah dari hari ke hari yang merujuk kepada kemerosotan tubuh badan yang berlaku secara perlahan-lahan, namun untuk warga emas yang lalai jiwa nya dan masih lena tidur, mereka tidak akan menyedari kemerosotan yang berlaku ini. Selain itu, Said Nursi juga menyebut segala yang mengikat nya dengan dunia kini satu persatu perlu dilepaskan kerana waktu berpisah dengan orang di sekeliling sudah hampir tiba. Secara analoginya, penuaan ini merupakan fasa kerehatan dari penatnya mengurus urusan dunia.

Sewaktu muda banyak cita-cita kerjaya yang digenggam, orang muda yang sibuk membangunkan kerjaya, mengumpul harta dan menguruskan anak-anak bersekolah dan sebagainya. Maka penuaan adalah fasa kerehatan dari segala kesibukkan yang mana kita perlu melepaskan secara perlahan-lahan gengaman dunia sebagaimana rapuhnya jari-jemari tua untuk fokus kepada kehidupan akhirat.

Solusi Takut Kepada Penuaan Bersandarkan Kepada Al-Quran

“Memandangkan al-Quran yang di tangan kita ini adalah kalam dan firman yang datang dari noktah Rububiyah mutlak al-Khaliq Dzu al-Jalal langit dan bumi, dari sudut keagungan Uluhiyyah dan dari sisi keluasan rahmat. Ia juga adalah satu sumber rahmat-Nya. Maka berpegang teguhlah dengannya. Di dalamnya terdapat penawar bagi setiap penyakit, cahaya bagi setiap kegelapan dan harapan bagi setiap keputusan. Justeru kunci khazanah abadi ini ialah keimanan, penyerahan, mendengar al-Quran, menerima dan membacanya”. (Risalah Online, n.d)

Analisis: Said Nursi menganjurkan warga emas untuk sentiasa berpegang teguh dan bersahabat dengan al-Quran kerana di dalam nya penawar bagi setiap penyakit sama ada penyakit fizikal dan juga penyakit yang berupaya kesihatan mental dan kekuatan spiritual. Malah, al-Quran juga merupakan cahaya bagi setiap kegelapan, kegelapan di sini bukan sahaja penerang di alam kubur, malah warga emas yang sentiasa membaca al-Quran hatinya akan bersih dan mampu melihat sesuatu cabaran dan ujian yang hadir di akhir usia dengan kaca mata yang jernih. Bahkan, Said Nursi mengatakan dalam al-Quran terdapat harapan-harapan bagi sifat putus asa yang sentiasa menyinggah di hati warga emas.

Putus asa merupakan sifat negatif yang berbahaya sekiranya tidak diubati berpotensi menjadi penyakit mental iaitu kemurungan. Warga emas sering kali berhadapan dengan putus asa akibat penyakit yang sudah tidak ada harapan sembuh, putus asa kerana ujian dengan manusia dan pelbagai lagi. Maka, al-Quran datang memberi harapan-harapan berupa syurga yang diberi, taman-taman syurga di alam kubur dan dapat melihat wajah Allah SWT di syurga nanti. Oleh itu, warga emas perlu sentiasa beriman dengan kandungan al-Quran, mendengar, menerima dan membacanya setiap hari.

3) Perumpamaan Penuaan Sinonim dengan Sifat Dhaif, Lemah dan Rasa Putus Asa

“Dalam malam gelap yang panjang, keterasingan yang pilu dan keadaan yang menyedihkan seperti itu, muncullah rasa putus asa daripada kehidupan dan tanah air. Aku telah memandang kepada kelemahan dan sifat sebatang karku, lalu harapanku terputus”. (Risalah Online, n.d)

Analisis: Melalui ayat ini, Said Nursi merasa penuaan itu terasa lama dan panjang kerana hidup tidak lagi disibukkan dengan dunia, orang sekeliling juga sudah tiada, masa sudah lagi tidak disibukkan dengan urusan dunia kerjaya dan anak-anak menyebabkan banyak masa terluang dan terasing. Maka, perasaan tersebut mengundang kepada rasa putus asa untuk hidup lebih lama kerana tiada manfaat yang mampu diberikan lagi kepada dunia.

Solusi Kedhaifan dan Rasa Lemah Penuaan Sebagai Penarik Kasih Sayang Allah SWT Sebagaimana Anak Burung yang Diberi Makan Melalui Ibunya kerana Kedhaifan

“Justeru, wahai orang-orang tua lelaki dan perempuan! Ketahuilah kalian bahawa kedaiifan dan kelemahan pada masa tua itu ialah wasilah untuk mengundang rahmat dan inayah Ilahi. Sepertimana yang telah aku saksikan pada diriku sendiri, tajalli rahmat di atas muka bumi juga memperlihatkan hakikat ini dalam suatu bentuk yang sangat jelas. Ini kerana, yang paling lemah dan daif di kalangan haiwan ialah anak-anak kecilnya. Sedangkan penerima tajalli rahmat yang paling menawan dan indah juga ialah mereka. tajalli rahmat pada kelemahan seekor anak burung dalam sebuah sarang di atas pokok memperkerjakan ibunya sebagai anggota tentera yang paling taat. Ibunya berkeliling lalu membawa pulang rezekinya. Sebaik sahaja anak-anak burung itu melupakan kelemahannya kerana sayap-sayapnya semakin kuat, maka ibunya akan menyuruhnya mencari rezeki sendiri dan tidak akan mengikut lagi arahannya. Justeru, sebagaimana rahsia rahmat ini berlaku pada anak-anak burung, ia turut berlaku pada orang-orang tua yang ibarat anak-anak kecil dari sudut kedaiifan dan kelemahan”. (Risalah Online, n.d)

Analisis: Said Nursi memberitahu bahawa asbab kelemahan yang dialami oleh warga emas tersebut merupakan wasilah, penarik Allah SWT untuk merasa belas kasihan sekaligus memberi rahmat kasih sayangnya dengan mudah berbanding orang muda yang mempunyai kekuatan. Said Nursi memberi analogi sepertimana burung yang baru lahir dan tidak mampu terbang mencari makanan, lalu yang keluar memberi makanan tersebut adalah ibunya. Begitu jugalah orang tua. Warga emas yang terbaring sakit lemah tidak berdaya memperoleh rezeki daripada orang yang menjaga mereka. Mereka tidak perlu lagi membanting tulang mencari nafkah dan sebagainya. Namun, apabila anak burung tersebut sudah mempunyai sayap yang kuat untuk terbang, maka ibu burung tersebut membiarkan burung tersebut keluar mencari makanan sendiri.

Pandangan dan Solusi Said Nursi Tentang Kematian Berdasarkan Risalah al-Nur

1) Said Nursi Mengambarkan Kematian sebagai Gelap, Hitam dan Menakutkan

“Aku telah memandang kepada wajah kematian yang disangkakan sebagai yang paling menakutkan semua orang dan yang paling menyeramkan, dan melalui nur al-Quran aku nampak bahawa cakaran kematian pada zahirnya adalah gelap, hitam dan jelik...” (Risalah Online, n.d)

Analisis: Said Nursi turut melihat kematian sebagai sesuatu perkara yang menyeram dan menakutkan, malah beliau juga mengatakan bahawa kematian tersebut secara zahirnya adalah gelap, hitam dan menggelikan. Namun, ketakutan dan kengerian ini hanya akan berlaku kepada mereka yang kufur dan ingkar dengan arahan Allah SWT. Ketakutan dan azab kubur ini hanya akan berlaku kepada mereka yang tidak melakukan amal soleh sewaktu mereka di dunia.

Solusi Takut Kepada Kematian: Kematian Sebagai Permulaan Kehidupan Abadi Serta Kerehatan dari Penderitaan Sakit Yang Berpanjangan

“Namun bagi orang mukmin, wajah aslinya adalah bercahaya dan indah. Sesungguhnya kematian bukan penghapusan, bukan perpisahan bahkan satu mukadimah dan permulaan kehidupan abadi, tamatnya tugas daripada bebanan tugas kehidupan, satu perlepasan dan satu penukaran tempat. Ada banyak faktor yang menyebabkan kehidupan seharian menjadi sangat sukar dan membebankan, antaranya ialah penyakit tua, Maka, kamu dapati kematian sebenarnya adalah nikmat yang lebih besar daripada nikmat kehidupan. Contohnya, ibu bapamu yang sudah sangat tua dan sakit membuatkan kamu rasa sedih, apatah lagi jika bersama-sama mereka berdua di hadapanmu sekarang ada nenek moyangmu dengan keadaan yang lebih daif, pasti kamu sedar bahawa kehidupan ketika itu adalah suatu malapetaka dan kematian pula suatu nikmat. Kita boleh bayangkan kehidupan yang sangat sukar bagi Anthomyiidae (sejenis lalat yang suka dengan bunga) ketika musim sejuk. Maka kematian bagi lalat ini pada ketika tersebut adalah suatu rahmat baginya. Sebagaimana tidur adalah kerehatan dan rahmat bagi orang yang ditimpa musibah, cedera dan sakit, begitu juga dengan kematian – fasa yang lebih tinggi dari tidur – adalah rahmat dan kerehatan bagi orang yang ditimpa bala bencana yang hampir-hampir mendorong mereka membunuh diri”. (Risalah Online, n.d)

Analisis: Said Nursi membawa pandangan baru terhadap kematian dengan melihat kematian sebagai bercahaya dan indah, yang mana tempat ini sudah pasti untuk orang beriman dan beramal soleh. Malah, menurutnya kematian bukanlah suatu pengakhiran tetapi permulaan kepada sebuah kehidupan yang abadi. Kehidupan abadi ini adalah impian semua manusia. Menurutnyanya lagi, kematian ibarat manusia yang sudah selesai dari bebanan tugas sebagaimana seseorang mahasiswa yang gembira sewaktu konvokesyennya kerana sudah selesai tugas belajar selama tiga hingga empat tahun, begitu jugalah kematian.

Kematian juga diibaratkan sebagai pertemuan dengan semua kaum kerabat serta kekasih yang sudah pergi dahulu meninggalkan kita. Lalu, Said Nursi memandang kematian itu bukan lagi dengan rasa takut tapi penuh dengan kerinduan. Selain itu kematian juga dilihat sebagai berakhirnya sebuah kerehatan dari penderitaan. Said Nursi memberi bayangan sekiranya tiada kematian, maka kasihan kepada nenek moyang yang menahan uzur tua terlantar sepanjang hidup di atas katil. Malah, menjaga orang tua yang sudah tidak mampu mengurus diri juga bukanlah perkara yang mudah. Maka, perkara tersebut juga bukan sahaja memberi kerehatan kepada orang tua, malah kepada anak yang menjaga ibu bapa tua tersebut.

2) **Kematian Bagai Kehilangan dan Perpisahan dengan Dunia Indah dan Sahabat-Sahabat yang Dicitai**

“Aku tidak hanya kehilangan satu atau dua orang sahabat, malahan sebagaimana aku akan meninggalkan ribuan sahabat yang aku kasihi di Istanbul, aku juga akan berpisah dengan Istanbul yang amat aku cintai. Sambil aku memikirkkan bahawa sebagaimana aku akan berpisah dengan ratusan ribu sahabatku di dunia, aku juga akan meninggalkan dunia indah yang amat kucintai dan terpesona dengannya itu”. (Risalah Online, n.d)

Analisis: Said Nursi melihat kematian sebagai perpisahan dengan dunia yang indah dan sahabat- sahabat yang dicintai. Beliau tidak menafikan kesedihan atas perpisahan yang berlaku setelah sahabat-sahabat yang dicintainya terlebih dahulu meninggalkannya. Begitu juga warga emas yang melihat pemergian seorang demi seorang sahabat, serta ahli keluarga yang pergi ke alam kematian. Malah, perpisahan itu juga perkara yang perit apabila beliau terpaksa berpisah dengan Istanbul yang cantik, negara tempat kelahiran beliau.

Solusi Takut Kepada Kematian: Alam Barzakh Merupakan Tempat Kampung Halaman dan Berkumpul Semua Ahli Keluarga yang Dicintai

“Engkau pernah mempunyai seorang dua sahabat pegawai tentera semasa engkau terasing di Kosturma yang terletak di Timur Laut Rusia. Engkau tahu bahawa dua orang sahabatmu ini pasti pergi ke Istanbul. Ketika engkau di sana, sekiranya seseorang berkata kepadamu: Adakah engkau akan pergi ke Istanbul dan ataupun adakah engkau akan tinggal di sini? Maka sudah tentu engkau mempunyai akal walau sebesar zarah, pastinya engkau akan menerima pemergiannya ke Istanbul dengan gembira dan senang hati. Ini kerana, daripada seribu satu kekasihmu, sembilan ratus sembilan puluh sembilan kekasihmu berada di Istanbul. Di sini tinggal seorang dua lagi dan mereka juga akan pergi ke Istanbul. Maka, bagimu, pergi ke Istanbul bukanlah perpisahan yang menyedih dan memeritkan. Sama seperti itu juga, sembilan puluh sembilan peratus daripada mereka yang engkau sayangi sejak engkau kecil hingga ke usia ini telah berpindah ke perkuburan yang memberikan kedahsyatan kepadamu. Hanya tinggal seorang dua lagi sahabatmu di dunia ini. Mereka juga akan ke sana. Kematianmu di dunia ini bukanlah perpisahan bahkan pertemuan semula. Pertemuan semula dengan para kekasih itu”. Pertemuan semula dengan kafilah para kekasih yang telah berpindah ke alam barzakh. Demikianlah melalui hakikat-hakikat yang seperti ini, aku telah nampak wajah indah yang hakiki bagi kematian. Maka aku telah memandang kepada wajah kematian dari satu sudut bukannya dengan rasa takut bahkan dengan penuh kerinduan”. (Risalah Online, n.d)

Analisis: Dalam teks ini menceritakan tentang saat Said Nursi dan dua sahabatnya menjadi tahanan di penjara Rusia, dan sahabatnya dilepaskan untuk kembali ke Istanbul iaitu negeri asal tempat tinggal mereka. Maka, seharusnya Said Nursi dan sahabatnya berasa gembira kerana boleh pulang ke tempat asal. Begitu jugalah kita sekiranya dipanggil pulang atau bertemu dengan kematian. Kita bakal bertemu dengan semua yang telah meninggalkan kita terlebih dahulu iaitu, ibu ayah yang sudah meninggal, adik beradik, saudara mara, malah kita seharusnya bahagia untuk pulang kerana merindukan Rasulullah SAW.

Solusi Kematian Merupakan Pelbagai Rahmat yang Harus Disyukuri

3) Ibarat Biji Benih Tua

“Jika kematian tumbuh-tumbuhan -strata terakhir hidupan- adalah makhluk dan lebih kreatif dan teliti ciptaannya, begitulah juga dengan kematian manusia -strata hidupan tertinggi-. Biji benih yang ditanam di dalam tanah menjadi pohon di alam nyata; begitulah manusia yang dikebumikan di dalam tanah menjadi tangkai kehidupan kekal abadi di alam barzakh”. (Risalah Online, n.d)

Analisis: Said Nursi menggambarkan warga tua yang meninggal kemudian ditanam di dalam tanah ibarat seperti biji benih tua yang di anam ke dalam tanah dan akan memberi kehidupan yang baru. Begitu jugalah manusia yang sudah tua dan masuk ke dalam tanah, mereka akan melalui kehidupan yang baru bukan sia-sia, malah kehidupan tersebut merupakan suatu kehidupan abadi

Pesanan Terakhir Said Nursi Buat Warga Emas

“Justeru, wahai insan-insan mulia yang telah memasuki usia tua dan banyak mengingati mati menerusi peringatan masa tua sepertiku! Kita sepatutnya melihat masa tua, kematian dan penyakit sebagai menawan menerusi cahaya pengajaran iman yang telah diberikan al-Quran. Bahkan, kita sepatutnya mencintainya pada satu sudut. Memandangkan pada kita terdapat satu nikmat yang sangat tidak terhitung nilainya seperti keimanan, maka masa tua adalah menawan, penyakit juga menawan. Malah, kematian juga adalah menawan. Sekiranya terdapat perkara yang tidak menawan, maka (tidak lain tidak bukan), itu ialah dosa, kemaksiatan, bida'ah dan kesesatan. Ya, aku sendiri memberi jaminan kepada kalian bahawa sekiranya mereka memulangkan kembali 10 tahun masa muda Said Lama kepadaku, aku tidak akan menyerahkan satu tahun masa tua Said Baru yang sekarang ini. Aku redha dengan masa tuaku dan kalian juga sepatutnya turut meredhainya”. (Risalah Online, n.d)

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, pendekatan Said Nursi dalam Risalah al-Nur memperlihatkan keselarasan yang signifikan dengan teori conscious aging yang menekankan kesedaran, penerimaan dan transformasi diri terhadap proses penuaan sebagai sebahagian daripada perjalanan spiritual manusia. Said Nursi mengiktiraf keresahan dan ketakutan yang sering menghantui warga emas dalam menghadapi kemerosotan fizikal dan bayangan kematian. Seterusnya, beliau menawarkan perspektif baharu dengan menekankan bahawa penuaan itu bukanlah fasa kelemahan, tetapi merupakan fasa penyucian diri dan penyediaan diri menuju kehidupan kekal abadi. Melalui penghayatan terhadap ayat-ayat al-Quran dan karya kerohanian seperti Risalah al-Nur, warga emas dibimbing untuk melihat penuaan sebagai proses mendekati diri kepada Allah SWT SWT dengan penuh makna dan ketenangan dalaman.

Oleh itu, pendekatan Said Nursi wajar diintegrasikan dalam pembangunan intervensi rohani bagi warga emas di Malaysia. Program seperti (i) kelas tadarus tematik berasaskan tafsir ayat-ayat tentang sabar, syukur, dan akhirat; (ii) sesi tadabbur Risalah Orang Tua dan Risalah Orang Sakit; serta (iii) program sokongan kerohanian berasaskan komuniti boleh berfungsi sebagai model pengajaran al-Quran yang menepati keperluan emosi dan spiritual golongan ini. Melalui pendekatan ini, warga emas dapat (i) mengurus kesepian melalui zikrullah dan tadabbur, (ii) memperkukuh daya tahan psikologi dengan memaknai sakit secara positif, dan (iii) menumbuhkan harapan menghadapi kematian sebagai pertemuan dengan insan-insan yang dikasihi umumnya, dan dengan Yang Maha Penyayang khususnya. Kesepaduan antara pemikiran kerohanian Said Nursi dan teori conscious aging berpotensi melahirkan paradigma baharu dalam pendidikan, pengurusan emosi dan kesejahteraan warga emas Islam di era moden dan globalisasi.

PENGHARGAAN

Kajian ini merupakan hasil daripada Geran Dar Qari daripada Yayasan RI yang bertajuk: “Pembangunan Isi Kandungan Pengurusan Emosi Warga Emas berdasarkan Kefahaman Ayat-Ayat Tematik berkaitan Kehidupan Akhirat berteraskan Tafsiran Badiuzzaman Said Nursi menerusi Kitab Kulliyat Rasa'il Al-Nur” (PPPI/USIM-INDUSTRI/FPQS/USIM/12324). Penghargaan juga diberikan kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

RUJUKAN

- Abdel-Khalek, A. M., & Tomás-Sábado, J. (2005). Anxiety And Death Anxiety in Egyptian and Spanish Nursing Students. *Death Studies*, 29(2), 157–169. 10.1080/07481180590906174.
- Borhaninejad, V., Amirmahani, F., Danaei, M. & Momeni, M. (2024). Gerascophobia and Its Related Factors in Medical Students of Kerman University of Medical Science. *Journal Health Develop.* 13(1). 23–8. 10.34172/JHAD.92362.
- Chalise, H., N. (2019). Aging: Basic Concept. *American Journal of Biomedical Science & Research*. 1(1). AJBSR.MS.ID.000503.
- Duvall, E. M. (1988). Family Development's First Forty Years. *Family Relation*, 37(2), 127-134. <https://doi.org/10.2307/584309>
- Ewen, H. H., Nikzad-Terhune, A., & Dassel, K. B. (2020). Exploring Beliefs about Aging and Faith: Development of the Judeo-Christian Religious Beliefs and Aging Scale. *Behavioral Sciences*, 10(9), 139. <https://doi.org/10.3390/bs10090139>
- Fealy, G., McNamara, M., Treacy, M. P., & Lyons, I. (2012). Constructing ageing and age identities: A case study of newspaper discourses. *Ageing and Society*, 32(1), 85–102. <https://doi.org/10.1017/S0144686X11000092>
- Fortner, B. V., & Neimeyer, R. A. (1999). Death Anxiety in Older Adults: A Quantitative Review. *Death Studies*, 23(5), 387–411. 10.1080/074811899200920
- Hall, C. M. (1985). Religion and Aging. *Journal of Religious and Health*, 24(1), 70-78. <https://doi.org/10.1007/BF01533261>
- Khatir, M. A., Modanloo, M., Dadgari, A., et al. (2025). Developing and Identifying the Psychometric Properties of Empty Nest Syndrome SCALE. *BMC Psychol.* 13(743). <https://doi.org/10.1186/s40359-025-03064-6>
- Khosim, N., Ibrahim, A., & Hanapi, M. S. (2021). Aspek-Aspek Pembangunan Insan: Analisis Ketokohan Badiuzzaman Said Nursi. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*. 39(6), 134-146. https://www.researchgate.net/publication/354876461_ASPEK_ASPEK_PEMBANGUNAN_INSAN_ANALISIS_KETOKOHAN_BADIUZZAMAN_SAID_NURSI
- Krause, N. (2003). Religious Meaning and Subjective Well-Being in Late Life. *Journals of Gerontology Series B: Psychological Sciences and Social Sciences*, 58(3), S160–S170. 10.1093/geronb/58.3.s160
- Lasher, K. P., & Faulkender, P. J. (1993). Measurement of aging anxiety: Development of the Anxiety about Aging Scale. *The International Journal of Aging and Human Development*, 37(4), 247–259. <https://doi.org/10.2190/1U69-9AU2-V6LH-9Y1L>
- MacKinlay, E. & Burns, R. (2017). Spirituality Promotes Better Health Outcomes and Lowers Anxiety About Aging: The Importance of Spiritual Dimensions for Baby-Boomers as They Enter Older Adulthood. *Journal of Religion, Spirituality & Aging*, 29(4), 248-265. <https://doi.org/10.1080/15528030.2016.1264345>
- Noor, M. M., & Latiff, F. A. (2012). Tajdid Pendidikan Badiuzzaman Said Nursi Dalam Kitab Kitab Rasail Al-Nur. *Jurnal Al-Tamaddun*. 7(1). <https://sare.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/8560>
- Osman, T. (1995). Warga Tua Mengikut Masyarakat Tradisi. *Berita Harian*, 26.

- Rabbani, F., Gillani, S. A., Nasir, P., Nawaz, R. S., Ali, A., Khan, N., & Nadeem, A. (2025). The Relationship between Spiritual Well-Being and Death Anxiety among Muslims. *Research Journal of Psychology*, 3(1), 548–558. <https://doi.org/10.59075/rjs.v3i1.89>
- Rogers, C. R. (1981). The Foundations of The Person-Centered Approach. *Dialectics and Humanism*, 8(1), 5–16. <https://doi.org/10.5840/dialecticshumanism19818123>
- Rowe, J. W., & Kahn, R. L. (1997). Successful Aging. *The Gerontologist*, 37(4), 433-440. <https://doi.org/10.1093/geront/37.4.433>
- Salter, C. A., & Salter, R. (1976). Death Concern and Age. *Omega: Journal of Death and Dying*, 7(4), 307–318. <https://doi.org/10.2190/69J5-MCMV-6GQF-Y0KK>
- Shaw, J., Taylor, D. R., & Pitt, B. (1974). Effects of Intraortic Balloon Counterpulsation on Regional Coronary Blood Flow in Experimental Myocardial Infarction. *The American Journal of Cardiology*, 34(5), 552–556. [https://doi.org/10.1016/0002-9149\(74\)90126-X](https://doi.org/10.1016/0002-9149(74)90126-X)
- Vickio, C. J., & Cavanaugh, J. C. (1985). Perceptions Of Death and Dying in Adulthood. *International Journal of Aging and Human Development*, 21(4), 265–281. <https://doi.org/10.2190/9X8K-WJ7C-K1U8-6DHT>
- Xia, L., Li, X., & Zhang, Q. (2009). Depression and Suicide Among Empty-Nest Elderly in Rural China. *Chinese Journal of Gerontology*, 29(10), 1267–1270.
- Zahir, M. S. A. (2022). Badiuzzaman Said Nursi (2877-1960M) dan Risalah al-Nur: Kajian Terhadap Isu-Isu Pan-Islamisme dan Hubungannya dengan Idea Pembaharuan dalam Dakwah di Turki. Tesis PhD. Universiti Sains Malaysia. <http://24 Pages from MUHAMMAD SUHAIB BIN AHMAD ZAHIR - TESIS.pdf>
- Baharuddin, E. (2013). Kecerdasan Ruhaniah dan Amalan Agama Warga Tua di Rumah Kebajikan. Thesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Becker, E. (1973). *The Denial of Death*. New York: Free Press.
- Calasanti, T. M., & Slevin, K. F. (2006). *Age Matters: Realigning Feminist Thinking*. Routledge.
- Estes, C. L. (2001). *Social Policy and Aging: A Critical Perspective*. Sage.
- Greenberg, J., Pyszczynski, T., & Solomon, S. (1986). “The Causes and Consequences of a Need for Self-Esteem: A Terror Management Theory.” In Baumeister, R. F. (eds), *Public Self and Private Self*. Springer.
- Hidayati, D. S., & Suparno, R. J. (2024). Resilience and Empty Nest Syndrome. *Families Mental Health and Challenges in the 21st Century*. Routledge. Resilience and empty nest syndrome | 3 | Families Mental Health and Ch
- Kellehear, A. (2007). *A Social History of Dying*. Cambridge University Press.
- Khosim, N. (2023). Pembangunan Insan berteraskan Nilai Mahabbah dalam Kitab Kulliyat Rasa'il al-Nur Karangan Badiuzzaman Said Nursi. Tesis PhD. Universiti Sains Malaysia.
- Nursi, B. S. (2013). *Sirah Al-Dhatiyyah*. Terj: Ihsan Qasim Al-Salihi. Sozler Publications.
- Risalah Online. (n.d.). *Risalah Online*. <https://risalahonline.com/ms/pedoman-para-wanita/tujuh-harapan-ebgJh#43>
- Sempo, M. W. (2020). Badi' al-Zaman Said Nursi: Siapa dan Mengapa?. Dlm. *FORDIAN & Turk Kultur Cemeyeti, Visi Emansipatoris Al-Qur'an Perspektif Said Nursi*. Sozler Publications.
- Schachter-Shalomi, Z., & Miller, R. S. (1997). From age-ing to sage-ing: a profound new vision of growing older. <https://ci.nii.ac.jp/ncid/BB0605073>

- Sulaiman, W. J. W. (1987). *Mujaddid Islam Sheikh Bediuzzaman Said Nursi*. Ihlas Nur Nesriyat.
- Tomer, A., & Eliason, G. (2000). *Attitudes About Life and Death: Toward A Comprehensive Model of Death Anxiety*. In A. Tomer (Ed.), *Death Attitudes and the Older Adult*. Philadelphia: Brunner-Routledge.
- Vahide, S. (2005). *Islam in Modern Turkey: An Intellectual Biography of Bediuzzaman Said Nursi*. State University of New York Press.
- Zahir, M. S. A., Sharif, M. F. M., & Mat, M. Z. (2024). *Badiuzzaman Said Nursi dan Pembaharuan Dakwah di Turkiye*. Penerbit UnisZA